

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

### Dr Adham, Mohd Zuki terima suntikan dos kedua

**PUTRAJAYA** - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali pada Khamis melengkapkan suntikan dos kedua vaksin Covid-19 jenis Pfizer-BioNTech.

Turut menerima suntikan dos kedua itu di Klinik Kesihatan Presint 18 ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Mohd Shafiq Abdullah bersama tiga petugas barisan hadapan kementerian iaitu pemandu, Tawfik Adnan; Pembantu Kesihatan Awam di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya, Farid Md Ithnin dan jururawat di Klinik Kesihatan Presint 11, Yusniza M Yusof.

Suntikan dos kedua itu dilakukan selepas 21 hari kesemua mereka menerima suntikan dos pertama vaksin berkenaan pada 25 Februari lepas.

"Kesemua yang menerima suntikan pada Khamis telah melengkapkan pengambilan vaksin Covid-19 dan menerima 'My Covid-19 Vaccination badge' selain sijil digital menerusi aplikasi MySejahtera," menurut hantaran di laman sosial Facebook KKM pada Khamis.

Pada Rabu, Perdana Menteri Tan



Adham Baba ketika menerima suntikan dos kedua vaksin Pfizer pada Khamis.

Sri Muhyiddin Yassin menerima suntikan dos kedua vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech di Klinik Kesihatan Presint 18 bersama-sama Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan empat petugas barisan hadapan KKM.

Khamis merupakan hari ke-22 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sejak bermula pada 24 Februari lepas. - *Bernama*